

# Giat memasak bagi ringankan beban isteri

*Bapa tiga anak antara anggota kumpulan 'ACE Men Cook'*

Oleh NURULHUDA S.M. ALBUKHARI  
nurulsma@sph.com.sg

SETIAP hujung minggu, dalam keadaan kelim-kabut, isterinya menyiapkan masakan untuk keluarga lima orang sebelum keluar bekerja.

Lantas, bagi membantu meringankan beban isterinya itu, Encik Mohd Shahril Jaffar, 40 tahun, mengambil alih tugas memasak pada setiap hujung minggu sejak setahun yang lalu.

Encik Mohd Shahril adalah antara beberapa orang kaum bapa yang kini giat di dapur.

Beliau juga merupakan anggota Pengalaman Masyarakat Admiralty (ACE) Lelaki Memasak (ACE Men Cook) yang membuktikan bahawa kaum Adam juga boleh memasak.

Dilangsungkan kelmarin, acara berkongsi resipi di bawah kumpulan 'ACE Men Cook' bertujuan mengeratkan hubungan seluruh keluarga dan hubungan antara kaum.

Encik Mohd Shahril, yang mula berjinak-jinak memasak setahun yang lalu, berkata beliau bermula dengan masakan yang senang-senang seperti nasi dan spageti.

"Dulu, saya nak nyalakan api pun takut. Tetapi setelah mahir memasak makanan yang senang-senang, minat memasak pun berputik.

"Lantas, saya ikuti kursus memasak di Kelab Masyarakat (CC) ACE dan mula membeli bukubuku resipi.

"Saya juga belajar memasak daripada isteri saya," ujar Penolong Pengurus Kemudahan itu.

Tambah bapa tiga anak itu lagi, memasak mengeratkan lagi persepahaman dan hubungan antara beliau dengan isteri serta anakanaknya.

"Apabila saya memasak, isteri saya dapat berehat sementara



**LELAKI BOLEH MASAK:** Encik Mohd Shahril Jaffar (*kiri*) sedang menunjukkan cara memasak Ayam Masak Bombay kepada Dr Mohamad Maliki Osman dalam program 'ACE Men Cook', satu acara menggalakkan kaum bapa mengeratkan lagi hubungan mereka dengan isteri melalui masakan. – Foto TUNI SHARIFF

saya mengerahkan anak-anak supaya menyiapkan meja makan.

"Dari situ kami dapat makan bersama dan berjimat daripada makan di luar," ujar Encik Mohd Shahril ketika ditemui sedang memasak lauk Ayam Masak Bombay di Blok 547

Woodlands Drive 16.

Setiausaha Parlimen (Pembangunan Negara) dan Penasihat Pertubuhan Akar Umbi Admiralty, Dr Mohamad Maliki Osman, juga menggalakkan golongan bapa supaya meringankan tangan mereka di dapur.

"Jika kaum bapa membantu

isteri mereka memasak di rumah, mereka merupakan pelengkap bagi sang isteri dan sama seperti isteri menjadi pelengkap sang suami apabila mereka keluar bekerja membantu suami dan membawa pulang pendapatan tambahan," ujarnya.